

23 AUG 2003

MAHATHIR-LANDASAN

KONSORTIUM DIGESA TURUNKAN LAGI KOS LANDASAN BERKEMBAR

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Konsortium-konsortium yang telah diberikan surat hasrat untuk merundingkan pembinaan landasan berkembar dan kerja-kerja pembekalan elektrik bagi grid utara dan selatan perlu terus menurunkan kos projek yang telah dianggarkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Beliau mendedahkan bahawa konsortium-konsortium tersebut sebenarnya telah menurunkan sebutharga awal mereka kepada RM24 bilion daripada RM42 bilion sebelumnya berikutan bantahan kerajaan bahawa kos yang dicadangkan mereka terlalu tinggi.

"Apabila kita kata ia terlalu tinggi mereka mengurangkannya kepada RM24 bilion, yang bermakna sebenarnya mereka telah menaikkan harga dan malahan jumlah RM24 bilion itu masih boleh dikurangkan," katanya pada sidang media selepas pelancaran motosikal dan skuter baru Modenas, di sini, hari ini.

Apabila ditanya peruntukan kerajaan bagi projek itu, beliau berkata: "peruntukan serendah yang boleh."

Ircon Railway Construction Co menerajui konsortium yang bertanggungjawab membina landasan sejauh 338.8 kilometer menghubungkan Ipoh ke Padang Besar, manakala China Railway Engineering Corp mengetuai konsortium membina landasan sepanjang 297 kilometer menghubungkan Seremban dengan Johor Baru.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai firma-firma yang akan dipilih untuk membina laluan utara dan selatan.

Beliau berkata tawaran itu diberikan kepada kedua-dua Ircon dan China Railway tetapi mereka perlu mengurangkan kos ke tahap yang lebih berpatutan.

"Terdapat syarikat yang bersedia untuk melaksanakan projek itu pada kos yang lebih murah. Oleh itu, kita tidak boleh bayar pada kos yang lebih tinggi daripada sesuatu yang kita boleh dapat pada kos rendah."

Dilaporkan bahawa MMC-Gamuda telah memberi taklimat kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membina keseluruhan landasan itu pada harga yang lebih rendah. MMC dipegang oleh Syed Mokhtar Al Bukhary.

Apabila ditanya berhubung cadangan harga lebih murah yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berkaitan Syed Mokhtar, Perdana Menteri berkata: "Kalau dia boleh melakukannya, mengapa tidak?". -- BERNAMA

MAD FR ZK